

# KL pertahanan dasar luar pragmatik: PM

BH- 3/4/2007

## Malaysia komited tak campur hal ehwal dalaman negara lain

Oleh Norfatimah Ahmad

**K**UALA LUMPUR: Integriti dan reputasi Malaysia sebagai sebuah negara yang menghormati mandat serta tanggungjawab diberi masyarakat antarabangsa wajar dikekalkan dan dilindungi, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, pendekatan itu perlu dilaksanakan pada semua peringkat sama ada multilateral, serantau atau hubungan dua hala.

Sambil memberi contoh tanggungjawab negara dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), beliau berkata, usaha perlu ditingkatkan untuk sekurang-kurangnya membangunkan negara anggota pertubuhan itu serta membasmi kemiskinan di kalangan rakyatnya.

"Malah, Malaysia akan terus menyuarakan pandangannya mengenai isu Palestin, Iraq, Afghanistan, Lubnan dan Syria sebagai tanda sokongan kepada umat Islam sejagat.

"Pada masa sama, pendirian kita tidak seharusnya diabaikan kerana ia menjadi batasan kepada pendekatan pragmatik yang akan kekal dilaksanakan dalam hubungan diplomatik dengan negara asing, juga ketika berdepan sebarang masalah," katanya ketika merasmikan Persidangan Ketua Misi Luar Malaysia Keenam, di sini, semalam.

Persidangan berakhir Ahad ini, turut dihadiri Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar Ketua; Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri Rastam Mohd Isa serta duta dan konsul jeneral Malaysia di 104 pejabat misi luar negara di seluruh dunia.

Abdullah berkata, selain mengekalkan dasar luar, pendirian negara berhubung dasar itu juga tidak sepatutnya statik, sebaliknya perlu lebih dinamik.

"Malaysia mahu menjalin kerja-



UTAMA KEAMANAN: Abdullah bersama Syed Hamid berbual dengan duta Malaysia selepas merasmikan Persidangan Ketua Misi Luar Malaysia Keenam, di ibu negara, semalam.

**“Malaysia mahu menjalin kerjasama rapat dengan semua negara, bukannya bermusuh dengan negara asing”**

Abdullah Ahmad Badawi  
Perdana Menteri

sama rapat dengan semua negara, bukannya bermusuh dengan negara asing. Malah, kita komited dan berpegang pada pendirian untuk tidak mencampuri hal ehwal dalaman negara lain dan menyelesaikan sebarang masalah secara aman.

"Bagi merealisasikan hasrat ini, kita perlu sensitif kepada perasaan pihak yang berkenaan, terutama negara jiran," katanya.

Beliau berkata, Malaysia berkongsi pengalaman dan pengetahuan untuk membangunkan negara, bukan berniat memaksa pihak luar melak-

sanakan nilai dan pandangannya.

"Malaysia akan terus mempromosi kerjasama dua hala dengan sebanyak negara dan sektor untuk kebaikan bersama," katanya.

Abdullah juga mahu setiap pejabat misi luar negara menyimpan rekod kegiatan dan hubungan dua hala yang pernah diadakan sebagai sumber rujukan.

"Maklumat ini dapat membantu ketua misi luar negara merangka sebarang perancangan bagi mencapai sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan," katanya.